

ANALISIS PRESTASI AKADEMIK DAN HAFAZAN AL-QURAN DALAM  
KALANGAN HUFFAZ MENGGUNAKAN REGRESI LOGISTIK

NURUL ANASUHAH BINTI ZAKARIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ANALISIS PRESTASI AKADEMIK DAN HAFAZAN AL-QURAN DALAM  
KALANGAN HUFFAZ MENGGUNAKAN REGRESI LOGISTIK

NURUL ANASUHAH BINTI ZAKARIA

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Falsafah

Fakulti Sains  
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2022

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah atas izin-Nya jua saya dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi yang telah mempertemukan saya dengan pensyarah-pensyarah yang banyak membantu untuk menyelesaikan pengajian saya. Sekalung penghargaan buat kedua-dua penyelia dan ko-penyelia, Prof. Dr. Tahir Ahmad dan Prof. Madya Dr. Siti Rahmah Awang yang sudi menerima saya sebagai pelajar mereka. Mereka berdua merupakan sosok tubuh yang telah berganding bahu untuk mendidik saya sepanjang pengajian ini. Saya datang kepada mereka sebagai pelajar yang lemah. Atas didikan, nasihat, tunjuk ajar mereka yang ikhlas, telah banyak mengubah sikap saya. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa baik mereka. Penghargaan juga buat kedua ibu bapa yang tidak putus mendoakan dan memberi dorongan dengan pelbagai cara agar dapat menyelesaikan pengajian ini serta buat rakan-rakan yang saling menasihati dan saling menguatkan antara satu sama lain.

*“Terima kasih atas segala kebaikan yang telah diberikan. Semoga Allah membalas kebaikan kalian dengan kebaikan yang berlipat kali ganda.”*

## ABSTRAK

Kebelakangan ini, terdapat sambutan yang sangat menggalakkan dikalangan ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke pusat pengajian tahfiz dwi-sistem. Hal ini berlaku disebabkan oleh kesedaran mengenai kepentingan pendidikan berteraskan Islam yang harus dipupuk dalam diri anak-anak bagi tujuan pembangunan insan selari dengan pencapaian akademik yang cemerlang. Walau bagaimanapun, kaedah pengajaran dan pembelajaran tertentu di sekolah ini mungkin tidak berkesan dan memberi impak terhadap minat dan prestasi akademik pelajar (huffaz). Justeru itu, penelitian terhadap kecerdasan huffaz wajar dikaji bagi membantu kecemerlangan prestasi akademik dan prestasi hafazan al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti unsur kecerdasan yang dominan dikalangan huffaz berdasarkan teori kecerdasan pelbagai serta analisis regresi logistik untuk menggambarkan hubungan antara pencapaian akademik dengan prestasi hafazan al-Quran oleh huffaz. Data yang melibatkan 163 orang pelajar beraliran tahfiz dari empat buah sekolah tahfiz telah digunakan. Model logistik multinomial digunakan bagi meramalkan faktor yang mempengaruhi prestasi akademik, manakala model logistik binomial telah digunakan bagi meramalkan faktor yang mempengaruhi prestasi hafazan huffaz. Keputusan daripada analisis menunjukkan prestasi hafazan al-Quran mempengaruhi prestasi akademik mereka. Tambahan lagi, didapati huffaz yang mempunyai kecerdasan visual dan rohani yang tinggi lebih berpotensi untuk mendapatkan prestasi hafazan yang cemerlang. Kajian ini juga mendapati kecerdasan semulajadi dan kecerdasan intrapersonal merupakan kecerdasan yang paling dominan dalam kalangan huffaz, manakala rangsangan terhadap kecerdasan semulajadi dan kecerdasan intrapersonal sewaktu pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan keputusan akademik yang cemerlang.

## **ABSTRACT**

Lately, there has been an encouraging response among parents to send their children to dual-system tahfiz schools. This is due to the awareness of the importance of Islamic-based education that should be nurtured in children for the purpose of human development in line with excellent academic achievements. However, certain teaching and learning methods in these schools may not be effective and have an impact on the students' (huffaz) enthusiasm and academic performance. Therefore, the identification of huffaz's intelligence is worthwhile to be investigated in enhancing their academic achievement and Quran memorization performances. This study aims to identify the dominant intelligence among the huffaz based on multiple intelligence theory as well as logistic regression analysis to describe the relationship between academic achievement and the performance of the huffaz's memorization of the Qur'an. Data involving 163 tahfiz students from four tahfiz schools were used. Multinomial logistic regression model is used to determine factors that influence huffaz's academic achievement, whereas binomial logistic model is used to determine factors that influence Quran memorization performance. Results from the analysis show that the huffaz's Quranic memorization performance does influence their academic performances. In addition, it was found that huffaz whose dominant intelligences are visual and spiritual are more likely to memorize the Quran better. This study also found that natural intelligence and intrapersonal intelligence are the most dominant features among huffaz, while stimulation of natural and intrapersonal intelligence during teaching and learning processes can enhance their chances of excellent academic results.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>DEKLARASI</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Al-Quran Sumber Kekuatan Generasi Muslim Terdahulu	4
	1.3 Institusi Tahfiz dan Isu Kecemerlangan	5
	1.4 Pernyataan Masalah	6
	1.5 Objektif Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	10
	1.7 Batasan Kajian	12
<b>2</b>	<b>Kajian Latar Belakang</b>	<b>13</b>
	2.1 Pendahuluan	13
	2.2 Teori-Teori Kecerdasan	13

2.3	Teori Kecerdasan Pelbagai	15
2.4	Peralihan Kaedah Konvensional Kepada Pendekatan Kecerdasan Pelbagai	20
2.5	Faktor yang Mempengaruhi Prestasi Akademik Murid	22
2.6	Faktor Mempengaruhi Prestasi Hafazan Al-Quran	24
2.7	Kajian Terdahulu dan Permodelan Prestasi Murid Menggunakan Regresi Logistik	27
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>32</b>
3.1	Pendahuluan	32
3.2	Reka Bentuk dan Instrumen Kajian	32
3.3	Ujian Psikometrik	33
3.4	Kebolehpercayaan dan Kesahan	36
3.5	Sampel	40
3.6	Analisis Data	41
3.7	Analisis Diskriptif	41
3.8	Analisis Inferensi	42
3.9	Model Regresi Logistik	44
3.9.1	Pemilihan Pemboleh Ubah Bersandar dan Pemboleh Ubah Bebas	46
3.9.2	Odds	48
3.9.3	Nisbah Odds	50
3.9.4	Lengkung Logistik	50
3.9.5	Penilaian Terhadap Model Regresi Logistik	51
3.9.5.1	Penilaian Terhadap Kesesuaian Model	52
3.9.5.2	Penilaian Terhadap Kepentingan Setiap Pemboleh Ubah Peramal	56
<b>4</b>	<b>ANALISIS KEPERLUAN DAN REKA BENTUK</b>	<b>58</b>
4.1	Pendahuluan	58
4.2	Analisis Diskriptif	58
4.2.1	Profil Sampel Kajian	59
4.2.2	Profil Pencapaian Hafazan Al-Quran	61

4.2.3	Profil Prestasi Akademik Huffaz	65
4.2.4	Profil Kecerdasan Pelbagai Huffaz	68
4.3	Analisis Regresi Logistik	69
4.3.1	Syarat Analisis Regresi Logistik	69
4.3.2	Model Prestasi Akademik	72
4.3.3	Model Prestasi Hafazan Al-Quran	84
4.4	Rumusan	93
5.1	Perbincangan Objektif Kajian (1)	94
5.2	Perbincangan Objektif Kajian (2)	96
5.3	Perbincangan Objektif Kajian (3)	98
5.4	Kesimpulan	98
5.5	Penambahbaikkan untuk Kajian Akan Datang	99
<b>RUJUKAN</b>		<b>100</b>
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		<b>108</b>



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 2.1:	Ciri-ciri setiap kecerdasan	16
Jadual 2.2:	Pengkategorian prestasi murid	29
Jadual 2.3:	Ringkasan kaedah permodelan prestasi murid	31
Jadual 3.1:	Format HIT©	33
Jadual 3.2:	<i>Alpha Cronbach</i> dalam HIT©	37
Jadual 3.3:	Kebolehpercayaan komposit dalam HIT©	38
Jadual 3.4:	Kebolehpercayaan komposit dalam HIT©	39
Jadual 3.5:	Pemboleh ubah kesahan diskriminan dalam HIT©	40
Jadual 3.6:	Pemboleh ubah kesahan diskriminan dalam HIT©	43
Jadual 3.7:	Pemboleh ubah dalam regresi logistik	47
Jadual 4.1:	Peratus dan kekerapan profil demografi sampel kajian	60
Jadual 4.2:	Bilangan murid mengikut jumlah juzuk yang telah dihafaz 1 hingga 30 juzuk	61
Jadual 4.3:	Maklumat pelajar huffaz	62
Jadual 4.4:	Nilai min, median, minimum dan maksimum	63
Jadual 4.5:	Peratus responden cemerlang hafazan mengikut jenis sekolah	65
Jadual 4.6:	Nilai median, sisihan piawaian, minimum dan maksimum	66
Jadual 4.7:	Peratus responden cemerlang akademik mengikut jenis sekolah	67
Jadual 4.8:	Perbandingan peratus responden cemerlang akademik dan cemerlang hafazan mengikut jenis sekolah	68
Jadual 4.9:	Nilai min dan tahap bagi setiap kecerdasan	69
Jadual 4.10:	Nilai <i>Collinearity</i> bagi setiap pemboleh ubah bebas	71
Jadual 4.11:	Nilai pemalar (B)	73
Jadual 4.12:	Pembolehubah dalam persamaan	76

Jadual 4.13: Maklumat kesesuaian model	79
Jadual 4.14: Jadual Klasifikasi	80
Jadual 4.15: Ujian kebagusan model	80
Jadual 4.16: Cox dan Snell dan Nagelkerke	81
Jadual 4.17: Nilai <i>wald</i> , df dan nisbah odds	82
Jadual 4.18: Nilai pemalar (B) dan Exp (B)	85
Jadual 4.19: Pembolehubah dalam persamaan	87
Jadual 4.20: Jadual Klasifikasi Langkah 0	88
Jadual 4.21: Jadual Klasifikasi Langkah 1	89
Jadual 4.22: Ujian Omnibus bagi koefisien model	90
Jadual 4.23: Ujian Hosmer dan Lemeshow	90
Jadual 4.24: Cox dan Snell $R^2$ dan Nagelkerke $R^2$	91
Jadual 4.25: Nilai <i>wald</i> , df dan nisbah odds	92

## SENARAI RAJAH

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 2.1:	Ringkasan keluasan skop teori kecerdasan pelbagai	15
Rajah 3.1:	Proses pembinaan instrumen HIT©	34
Rajah 3.2:	Fungsi logistik apabila nilai $\beta_0 = 0$ dan $\beta_1 = 1$	51
Rajah 4.1:	Bilangan murid mengikut jumlah juzuk yang telah dihafaz 1 hingga 30 juzuk	62
Rajah 4.2:	Bilangan responden cemerlang dan lemah hafazan al-Quran	64
Rajah 4.3:	Bilangan responden yang cemerlang, sederhana dan lemah dalam prestasi akademik	66

## SENARAI SINGKATAN

MI *Multiple Intelligence/Kecerdasan Pelbagai*

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Soal Selidik Ujian Kecerdasan Huffaz (HIT©)	106
B	Makalah Berkaitan HIT©	107

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Tujuan Allah menciptakan manusia di atas muka bumi ini untuk beribadah kepada-Nya. Demikianlah kehendak Allah sebagai pencipta manusia. Allah menciptakan manusia supaya mengenal-Nya, menyembah-Nya, mengesakan, mengabdikan diri kepada-Nya serta mengurus dunia mengikut peraturan Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT, bermaksud: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi” (Surah al-Baqarah: 30).

Seperti halnya kewajiban memakmurkan muka bumi ini, maka Allah telah menganugerahkan kepelbagaian kecerdasan kepada manusia yang tidak lain bertujuan agar manusia mampu menggalas tugasnya sebagai khalifah dan mengabdikan dirinya secara total dalam keimanan dan ketaqwaan kepada Allah. Oleh itu, satu usaha yang berterusan amat diperlukan untuk mendidik dan memperkembang sumber daya manusia dengan kepelbagaian kecerdasan hingga akhirnya manusia mampu memajukan dan memakmurkan dunia berpaksikan al-Quran dan Sunnah.


Justeru itu, matlamat pendidikan Islam mestilah menjurus kepada misi penciptaan manusia sebagai hamba dan khalifah di muka bumi yang mempunyai tanggungjawab

untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara kearah mencapai kebaikan di dunia dan akhirat.

Kandungan kurikulum pendidikan bersepadu yang menggabungkan dua entiti asas iaitu fardhu ain dan fardhu kifayah menjadi hal yang penting dan utama diberikan kepada para pelajar. Namun, matlamat pendidikan Islam iaitu untuk membentuk insan salih yang bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa tidak dapat dikecapi sekiranya pendidik tidak menghargai kecerdasan yang dimiliki oleh anak didik dan tidak memberi penghargaan yang positif atas segala kelebihan kecerdasan yang dimiliki oleh mereka.

Andai kita mengkaji sejarah kejayaan Sultan Muhammad al-Fateh iaitu penakluk kota Konstantinopel suatu ketika dahulu, ia mencerminkan kekukuhan sistem pendidikan Islam yang dilalui pada waktu itu yang menerapkan sistem pendidikan menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran sekaligus mengasah dan memperkembangkan kecerdasan secara menyeluruh. Sultan Muhammad al-Fateh dididik secara serius bagi menguasai kedua-dua jalur ilmu, iaitu ilmu syariat dan ilmu hukum alam disamping mengiktiraf seluruh elemen kecerdasan manusia serta mengembalikan semua ilmu yang dipelajari kepada persoalan tauhid dan akidah Islam.

Jalur pendidikan yang dilalui oleh Sultan Muhammad al-Fateh menekankan elemen-elemen kecerdasan manusia iaitu kecerdasan rohani (solat fardhu, sunat rawatib, tahajjud, munajat, menghafal 30 juzuk al-Quran), kecerdasan semulajadi, kecerdasan linguistik (menguasai bahasa Arab, Persia, Latin, Yunani, Ibrani, Turki), kecerdasan kinestetik (mahir berkuda, memanah, berenang), kecerdasan intrapersonal, kecerdasan interpersonal (kehandalan memimpin pasukan perang), kecerdasan logik-matematik (taktik peperangan yang sistematik), kecerdasan muzik (syair, puisi) dan kecerdasan visual (idea strategi peperangan yang bernas). Rajah 1 di bawah menunjukkan sistem pendidikan menyeluruh yang dilalui oleh Sultan Muhammad al-Fateh yang menekankan kedua-dua aspek ilmu syariat dan ilmu berkaitan hukum alam serta mengiktiraf elemen-elemen kecerdasan manusia (Syaari Abdul Rahman, 2017).



Rajah 1: Sistem pendidikan yang dilalui oleh Sultan Muhammad al-Fateh



Ringkasnya, terdapat tiga komponen pendidikan yang mendukung kemajuaan dan kejayaan sistem pendidikan yang dilalui oleh Sultan Muhammad al-Fateh iaitu kurikulum, kaedah pengajaran guru dan pembelajaran murid (Achmad Lazim, 2020). Pendidikan keimanan berteraskan al-Quran menjadi hal yang penting dan utama diberikan kepada murid yang mencorakkan kurikulum ketika itu. Kaedah pengajaran guru secara individu, menghargai kecerdasan individu, serta memberi penghargaan yang positif atas segala kelebihan yang dimiliki oleh anak didik telah membangkitkan motivasi sekaligus membentuk insan salih yang memenuhi peranannya sebagai khalifah di muka bumi ini.

## **1.2 Al-Quran Sumber Kekuatan Generasi Muslim Terdahulu**

Kejayaan umat Islam terdahulu adalah kerana faktor pendidikan al-Quran yang diterapkan sejak peringkat kecil. Andai dikaji biografi generasi Muslim terdahulu, kita akan mendapati bahawa kebanyakan generasi Islam terdahulu amat menitikberatkan pendidikan al-Quran dan menghafaz al-Quran seawal usia sebelum menceburi dan mendalami pelbagai jenis bidang ilmu pengetahuan (Badwilan, 2009). Sebagai contoh, Sultan Muhammad al-Fateh menghafal 30 juzuk al-Quran pada usia 8 tahun, Imam Syafie telah menghafal keseluruhan al-Quran pada usia 7 tahun (Al-Bakri, 2013). Begitu juga dengan sarjana Muslim terunggul seperti Ibnu Sina telah berjaya menghafal keseluruhan al-Quran ketika berusia 10 tahun. Imam an-Nawawi menceritakan keadaan para salafussoleh: “Sesungguhnya ulama salaf tidak mengajarkan hadis dan feqah kecuali kepada mereka yang menghafal al-Quran.” Imam Khatib al-Baghdadi rhm juga berkata: “Sepatutnya seseorang pelajar memulakan menghafal Kitab Allah SWT kerana al-Quran adalah semulia-mulia ilmu. Al-Quran merupakan perkara pertama yang mesti didahulukan dan diutamakan.” (Razak, 2013).

Hal ini kerana manfaat yang diperoleh daripada menghafal Kitabullah sangat banyak. Hafalan al-Quran membantu seseorang dalam mempelajari dan memahami seluruh ilmu terutamanya yang berkaitan dengan Islam dari segi aqidah, syariah ataupun

akhlak. Bukan itu sahaja, hafalan al-Quran turut membantu seseorang dalam memahami ilmu berkaitan hukum alam. Ini dapat dilihat kepada cendekiawan Islam terdahulu seperti al-Kawarizmi, Ibnu Sina serta ramai sarjana Islam lain. Kemunculan mereka adalah kerana kesedaran mereka tentang betapa pentingnya umat Islam menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan dalam usaha memakmurkan bumi Allah SWT dan sebagai memenuhi gesaan dalam ayat al-Quran yang menuntut umat Islam untuk berfikir, melihat dan mengkaji segala ciptaan Allah SWT. Jelas ini menunjukkan bahawa generasi Muslim terdahulu bukanlah generasi yang sekadar menghafal ayat-ayat al-Quran sehingga khatam bahkan mereka adalah sebuah generasi yang merenungi, memahami, mengkaji, mendalami, lalu berusaha menjelmakan mukjizat al-Quran dalam kehidupan harian masing-masing (Shafie Abdul Rahman, 2011).

Barangkali bertitik tolak dari sini, institusi tahfiz di Malaysia ini meletakkan syarat bagi pelajarannya untuk menghafal sebahagian atau keseluruhan al-Quran. Perkara ini tidak lain untuk meningkatkan kualiti keilmuan umat Islam itu sendiri agar benar-benar mampu menjadikan al-Quran sebagai garis panduan di dalam kehidupan dan mengamalkannya di dalam kehidupan seharian.

### **1.3 Institusi Tahfiz dan Isu Kecemerlangan**

Umat Islam akan mencapai kejayaan sebagaimana zaman keemasannya dahulu sekiranya pemeluknya benar-benar berpegang teguh dengan al-Quran. Kebelakangan ini pengajian dwi-sistem tahfiz al-Quran menjadi pilihan pelajar masa kini dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan ibu bapa yang mahu menghantar anak mereka untuk mengikuti pengajian berbentuk ini (Fauzan dan Mohamad, 2017). Kesedaran akan betapa Islam itu penting untuk pembangunan insan telah menyebabkan ramai dari kalangan ibu bapa yang mahu anak-anak mereka dididik dengan norma-norma Islam secara menyeluruh.

Meskipun pelaksanaan kurikulum bersepadu dalam sistem persekolahan secara integrasi antara kurikulum tahfiz al-Quran dan akademik mendapat sambutan, namun

adakalanya ia mendatangkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa terutamanya apabila pusat-pusat pengajian yang menawarkan kurikulum dwi-sistem ini gagal membantu kecemerlangan huffaz seperti yang dikehendaki (Ali dan Yusof 2016). Menurut Ismail drk. (2017), isu berkenaan pendidikan tahfiz telah lama dibincangkan oleh sarjana pendidikan ahli akademik di Malaysia. Antara masalah yang telah dikenal pasti adalah kemerosotan pencapaian akademik dan hafazan al-Quran yang cemerlang. Keadaan menjadi lebih parah apabila muncul tanggapan dari sesetengah pihak yang menganggap kurikulum tahfiz al-Quran yang disediakan membebankan huffaz dalam akademik (Ali dan Yusof 2016).

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Pencapaian akademik dan hafazan al-Quran yang cemerlang dalam kalangan huffaz amat penting kerana ia mencerminkan kualiti pendidikan yang dilalui oleh huffaz yang merupakan produk bagi sesebuah institusi tahfiz al-Quran. Namun, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak efektif memberi kesan terhadap minat dan prestasi huffaz. Antara faktor yang dikenalpasti sebagai punca kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah pendidik masih mempraktikkan kaedah pengajaran tradisional di dalam kelas iaitu strategi pemusatan guru yang berbentuk penyampaian maklumat dan penerangan konsep atau idea secara lisan menerusi komunikasi satu hala (Othman, 2007).

Kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dan bergantung seratus peratus kepada buku teks menyebabkan pelajar cepat merasa bosan dan hilang minat. Sememangnya para guru dinasihatkan menggunakan buku teks, namun begitu guru seharusnya menambah isi pengajaran dari sumber-sumber lain seperti internet, buku rujukan dan persekitaran. Selain itu, terdapat guru yang masih menggunakan pendekatan latih tubi tanpa memberi penerangan konsep yang mencukupi. Misalnya pengajaran dan pembelajaran sains banyak melibatkan kemahiran proses sains dan manipulatif yang memerlukan daya pemikiran dan kreativiti yang tinggi. Pembelajaran sains memerlukan kefahaman konsep yang lebih tinggi. Tanpa kefahaman yang mantap, pelajar hanya menghafal. Tanpa

disedari, guru menekankan teknik hafalan tanpa penerangan konsep yang betul dan tepat. Teknik ini bukan sahaja menghasilkan pelajar yang kuat menghafal tetapi membantutkan semangat inkuiri mereka.

Kaedah '*chalk and talk*' merupakan antara kaedah yang popular dalam kalangan guru. Kaedah ini mempunyai kelebihan yang tersendiri, namun guru sepatutnya pandai mempelbagaikan kaedah pengajaran agar murid tidak bosan. Di samping itu, guru juga lebih menekankan pembelajaran yang boleh meningkatkan prestasi sekolah daripada menumpukan pembelajaran sepanjang hayat. Oleh kerana itu, kaedah '*chalk and talk*' digunakan kerana ia lebih menjimatkan masa dan peralatan bahan mengajar tidak diperlukan.

Dari sudut pengajaran tahfiz al-Quran pula, Mustafa dan Basri (2014) mendapati berdasarkan pemerhatiannya proses pengajaran tahfiz al-Quran adalah bukan secara interaktif dan guru mengajar secara satu arah dan jelas bahawa pelajar secara membuta tuli mengulangi dan membaca ayat hafazan selepas guru. Kaedah seperti ini boleh menyebabkan motivasi pelajar semakin merosot. Apabila motivasi pelajar merosot, maka prestasi pencapaian hafazan al-Quran merudum.

Menurut Dunn (1992), kemerosotan prestasi murid bukan disebabkan oleh kurikulum malah murid mampu belajar sebarang mata pelajaran sekiranya pembelajaran ditekankan mengikut kecerdasan mereka. Gaya pembelajaran murid pula berbeza mengikut kecerdasan dominan murid, begitu juga gaya pengajaran guru yang berbeza. Oleh kerana perbezaan gaya pembelajaran murid dan gaya pengajaran guru berlaku, maka keadaan ini akan menyebabkan murid berasa bosan dan tidak memberi perhatian sewaktu di dalam kelas (Felder dan Silverman, 1988).

Tidak dinafikan bahawa kaedah tradisional mempunyai kelebihan dan kekuatan yang tersendiri. Teknik syarahan, kuliah atau penerangan menyumbang banyak input dan ilmu pengetahuan serta menyampaikan maklumat yang tidak dapat dicapai oleh murid melalui pengalaman pendidik. Namun begitu, kaedah tradisional tanpa ditambah dengan

kaedah lain akan menjadikan murid pasif dan mendengar sahaja, dilanda kebosanan dan akhirnya murid kurang berminat terhadap penerangan guru (Subahan dan Ismail, 2017).

Selain itu, murid pada masa kini lebih berdikari untuk menimba ilmu. Kecanggihan dan kepantasan teknologi pada zaman sekarang secara perlahan-lahan mula mengambil alih tugas guru sebagai sumber ilmu pengetahuan. Oleh sebab itu, pada masa sekarang peranan guru sebagai sumber ilmu pengetahuan semakin terhakis dan penggunaan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak lagi dianggap bersesuaian kepada generasi masa kini.

Justeru itu, seiring dengan perkembangan pedagogi abad ke-21, pendidik seharusnya memanfaatkan kecerdasan pelbagai murid dengan menggunakannya dalam pelaksanaan pembelajaran. Ini adalah kerana pendekatan kecerdasan pelbagai akan menghasilkan pengajaran berpusatkan murid, memperkembangkan kebolehan murid, mewujudkan motivasi, memupuk pembelajaran aktif (Bahrum, Samsudin dan Haniza, 2015), mewujudkan iklim bilik darjah yang dapat merangsang kreativiti murid (Rashid, Boon dan Ahmad, 2012) dan meningkatkan prestasi akademik murid.

Sehubungan dengan itu, Howard Gardner (1983) muncul dengan Teori Kecerdasan Pelbagai atau *Multiple Intelligence* (MI). Manfaatnya, ia dapat dijadikan panduan kepada guru untuk memupuk pembelajaran aktif iaitu mendorong murid melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran (Moran, Kornhaber dan Gardner, 2006). Dapatan kajian oleh Othman dan Yaakub (2010), Armstrong (2000), Berman (1998), Campbell (1996) dan Jasmine (1996) menunjukkan pengintegrasian unsur kecerdasan pelbagai dalam aktiviti pengajaran berupaya menyumbang kepada kejayaan pembelajaran di sekolah.

Selain itu, MI membantu guru mendedahkan kecerdasan murid dan memberi kesedaran kepada guru tentang kepentingan menggunakan pelbagai kaedah agar murid dapat belajar dan menunjukkan kefahaman. Hasilnya, murid berasa lebih bermotivasi untuk belajar dengan cara yang selesa dengannya. Justeru itu, guru mestilah peka dengan

kecerdasan murid agar dapat disesuaikan dengan pengajaran. Oleh sebab itu, MI patut digabungkan dalam pendidikan tahfiz al-Quran bagi mendorong kecemerlangan huffaz dalam prestasi akademik dan hafazan.

Pada tahun 2001, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan MI dalam sistem pendidikan melalui Pusat Perkembangan Kurikulum yang kini dikenali sebagai Bahagian Perkembangan Kurikulum. Terdapat tiga peringkat bagi melaksanakan MI dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu: (1) Peringkat pertama, padanan (2) Peringkat kedua, percubaan (3) Peringkat ketiga, perancangan. Peringkat pertama, padanan iaitu kesedaran bahawa perlunya memadankan pengajaran dan pembelajaran dengan kecerdasan pelbagai murid. Di peringkat ini, guru mestilah mengenal pasti kecerdasan dominan dalam kalangan murid. Maka dengan cara ini, guru dapat memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan memadankan dengan kecerdasan murid.

## **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

- (a) Menenalpasti unsur kecerdasan huffaz yang dominan berdasarkan teori MI bagi meramalkan kebarangkalian untuk mendapatkan prestasi akademik yang cemerlang dengan menggunakan kaedah analisis regresi logistik.
- (b) Menenalpasti unsur kecerdasan huffaz yang dominan berdasarkan teori MI bagi meramalkan kebarangkalian untuk memperoleh prestasi hafazan yang cemerlang dengan menggunakan kaedah analisis regresi logistik.
- (c) Mengkaji hubungan antara prestasi akademik dan prestasi hafazan al-Quran huffaz.

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian dibina berdasarkan objektif kajian. Hipotesis yang akan dikaji adalah hipotesis penyelidikan ( $H_a$ ) manakala hipotesis yang akan diuji adalah hipotesis nul ( $H_o$ ). Hipotesis penyelidikan yang khusus bagi kajian adalah untuk mengenalpasti unsur kecerdasan huffaz yang dominan berdasarkan teori MI bagi meningkatkan prestasi akademik dengan menggunakan kaedah analisis regresi logistik.

### Objektif 1:

Hipotesis penyelidikan ( $H_a$ ):

Kecerdasan semulajadi, kecerdasan rohani dan kecerdasan intrapersonal merupakan kecerdasan dominan dalam kalangan huffaz. Terdapat peningkatan prestasi akademik yang signifikan dalam kalangan huffaz yang mengikuti kaedah pembelajaran yang mengintegrasikan kecerdasan semulajadi, kecerdasan rohani dan kecerdasan intrapersonal.

Hipotesis nul ( $H_o$ ):

Kecerdasan semulajadi, kecerdasan rohani dan kecerdasan intrapersonal bukan merupakan kecerdasan dominan dalam kalangan huffaz. Tiada peningkatan prestasi akademik yang signifikan dalam kalangan huffaz yang mengikuti kaedah pembelajaran yang mengintegrasikan kecerdasan semulajadi, kecerdasan rohani dan kecerdasan intrapersonal.

Objektif 2:

Hipotesis penyelidikan ( $H_a$ ):

Kecerdasan visual dan kecerdasan rohani merupakan kecerdasan dominan dalam kalangan huffaz. Terdapat peningkatan prestasi hafazan yang signifikan dalam kalangan huffaz yang mengikuti kaedah pembelajaran yang mengintegrasikan kecerdasan visual dan kecerdasan rohani.

Hipotesis nul ( $H_o$ ):

Kecerdasan visual dan kecerdasan rohani bukan merupakan kecerdasan dominan dalam kalangan huffaz. Tiada peningkatan prestasi hafazan yang signifikan dalam kalangan huffaz yang mengikuti kaedah pembelajaran yang mengintegrasikan kecerdasan visual dan kecerdasan rohani.

Objektif 3:

Hipotesis penyelidikan ( $H_a$ ):

Terdapat peningkatan yang signifikan terhadap prestasi akademik huffaz yang telah menghafaz 16 hingga 30 juzuk al-Quran.

Hipotesis nul ( $H_o$ ):

Tiada peningkatan yang signifikan terhadap prestasi akademik huffaz yang telah menghafaz 16 hingga 30 juzuk al-Quran.



## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian bagi meramalkan faktor yang yang mempengaruhi prestasi akademik dalam kalangan pelajar yang menghafaz al-Quran dan faktor yang yang mempengaruhi prestasi hafazan huffaz dijalankan berdasarkan batasan seperti berikut:

1. Kajian ini dijalankan berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai Howard Gardner dengan sembilan kecerdasan bertujuan untuk mendorong pembelajaran murid dengan menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai berdasarkan tahap kecerdasan murid.
2. Meramalkan unsur kecerdasan huffaz yang dominan berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai bagi meningkatkan kebarangkalian prestasi akademik yang cemerlang dengan menggunakan kaedah analisis regresi logistik.
3. Kajian ini menitikberatkan pengaruh hafazan al-Quran terhadap kemajuan prestasi akademik.
4. Sampel kajian ini terdiri daripada empat buah sekolah tahfiz dimana tiga buah sekolah tahfiz yang dipilih bertempat di Johor dan sebuah sekolah tahfiz di Terengganu. Selain itu, responden kajian ini terdiri daripada pelajar tahfiz al-Quran yang sedang mengikuti jalur pendidikan tahfiz dwi-sistem iaitu akademik dan hafazan al-Quran.

## RUJUKAN

- Abd Rahim, M. M. (2008). Pengajaran mata pelajaran hafazan al-quran: suatu kajian maahad tahfiz al-quran zon tengah. Master Project Report, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Abdullah, A. H., Salamon, H., Suratman, A. S., Noor, S. S. M., Jasmi, K. A., & Darawi, A. (2005). Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan Al-Quran yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Laporan Penyelidikan UTM Skudai: Johor.
- Adisendjaja, Y., Abdi, M., Amprasto, A., & Fardhani, I. (2019). The Influence of Field Trip on Junior High School Students' Naturalistic Intelligence and Problem-Solving Skill in Ecosystem Subject. *Jurnal Pendidikan IPA Indonesia*, 8(3), 339-346.
- Ahvan, Y. R., & Pour, H. Z. (2016). The correlation of multiple intelligences for the achievements of secondary students. *Educational Research and Reviews*, 11(4), 141-145.
- Al-Bakri, Z. M. (2013). *Hebatnya kuasa hafazan*: PTS Islamika.
- Al-Balhan, E. M. (2006). Multiple intelligence styles in relation to improved academic performance in Kuwaiti middle school reading. *Digest of Middle East Studies*, 15(1), 18-34.
- Al-Hafizh, M. U. (2014). Langkah Mudah Menghafal Al-Qur'an. Solo: Aqwam.
- Ali, Z. & Yusof, H. (2016). Amalan Spiritual Menghafaz al-Quran dan Pencapaian Akademik Pelajar IMTIAZ Negeri Terengganu. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, hlm. 103-115. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Armstrong, T. (2009). *Multiple intelligences in the classroom*: Ascd.
- Azzulfa, F. M. (2014). Pengaruh aktivitas menghafal Al Qur'an terhadap prestasi belajar santri Bil Ghaib di IAIN Walisongo tahun akademik 2012/2013 (Studi analisis di Pondok Pesantren Putri Al Hikmah Tugurejo Tugu Semarang). UIN Walisongo.
- Badrudin, A. R., Ginanjar, M. H., & Wartono, W. (2020). The Effectiveness Of Online Based Learning During The Covid-19 Pandemic At Private School In

- Bogor. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 9(02), 480-494.
- Badwilan, A. S. (2009). *Panduan Cepat Menghafal Al-Qur'an*: Yogyakarta: Diva Press.
- Bahrum, N. B., Samsudin, M. A., & Haniza, N. H. (2015). Pembelajaran Topik Dunia Melalui Deria Kita Menerusi Pendekatan Kecerdasan Pelbagai. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 6.
- Berman, M. (1998). *A multiple intelligences road to an ELT classroom*: Crown House.
- Campbell, L., Campbell, B., & Dickinson, D. (1996). *Teaching & Learning through Multiple Intelligences*: ERIC.
- Deepika, K. (2020). MULTIPLE REGRESSION ANALYSIS OF CAUSATIVE FACTORS OF DEVIANT STUDENTS AND ACADEMIC ACHIEVEMENT AMONG SCHOOL STUDENTS. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(7), 5139-5146.
- Dunn, R., & Dunn, K. J. (1992). *Teaching elementary students through their individual learning styles: Practical approaches for grades 3-6*: Allyn and Bacon.
- Fauzan, A. S., & Mohamad, S. (2017). Kesan hafazan al-Quran dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. *AL-TURATH JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH*, 2(2), 54-59.
- Felder, R. M., & Silverman, L. K. (1988). Learning and teaching styles in engineering education. *Engineering education*, 78(7), 674-681.
- Gardner, H. (1983). *The theory of multiple intelligences*: Heinemann.
- Gardner, H. E. (2011). *The unschooled mind: How children think and how schools should teach*: Basic books.
- Hashim, A. S., Awadh, W. A., & Hamoud, A. K. (2020). Student performance prediction model based on supervised machine learning algorithms. Paper presented at the IOP Conference Series: Materials Science and Engineering.
- Hashim, A., & Tamuri, A. H. (2012). Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 1-10.
- Hashim, A., Tamuri, A. H., Jemali, M., & Noh, A. C. (2014). Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar. *Journal of al-Quran and Tarbiyyah*, 1(1), 9-16.
- Hinojo-Lucena, F. J., Mingorance-Estrada, Á. C., Trujillo-Torres, J. M., Aznar-Díaz,

- I., & Cáceres Reche, M. P. (2018). Incidence of the flipped classroom in the physical education students' academic performance in university contexts. *Sustainability*, 10(5), 1334.
- Hussin, Z., Mustapha, N. F., Mezah, C. R., Hajimaming, P. T., & Abd Rahim, N. (2016). The Importance of Arabic Grammar in Memorising The Quran. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(2), 95-110.
- Hussin, Z., Mustapha, N. F., Mezah, C. R., Hajimaming, P. T., & Abd Rahim, N. (2016). The Importance of Arabic Grammar in Memorising The Quran. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(2), 95-110.
- Ismail, M. J., Mohamad, S., Puji, T. I. Z. T., & Yusof, N. H. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15, 55-65.
- JAKIM (2019). Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia Teras Panduan Menghafal Al-Quran. Laporan Penyelidikan JAKIM Malaysia.
- Jamshidi, K., Mohammadi, B., Mohammadi, Z., Parviz, M. K., Poursaberi, R., & Mohammadi, M. M. (2017). Academic satisfaction level and academic achievement among students at Kermanshah University of medical sciences: Academic year 2015-2016. *Research and Development in Medical Education*, 6(2), 72-79.
- Jasmine, J. (1996). *Teaching with Multiple Intelligences. Professional's Guide*: ERIC.
- K. K. Kwong, Partial Least Square Structural Equation Modelling (PLS-SEM) Techniques Using SmartPLS, *Marketing bulletin*, 2013, 24, Technical note 1, pp. 1-32.
- Kumara, W., Priyangika, K., & Sudusinghe, W. (2020). Multiple Intelligence and Academic Performance among BSc. Nursing Undergraduates in Kotelawala Defence University, Sri Lanka; A Correlational Study.
- Kusuma, W. H. (2019). Upaya Meningkatkan Prestasi Belajar Melalui Peningkatan Kecerdasan Spiritual Santri Pondok Pesantren. *JOEAI: Journal of Education and Instruction*, 2(2), 104-111.
- Malaysia, K. P. (2001). Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Marvianto, R. D., Ratnawati, A., & Madani, N. (2020). Motivasi Berprestasi sebagai Moderator pada Peranan Kecerdasan Emosi terhadap Prestasi Akademik Mahasiswa. *Jurnal Psikologi*, 16(1), 74.

- Moran, S., Kornhaber, M., & Gardner, H. (2006). Orchestrating multiple intelligences. Retrieved July 1, 2012.
- Murti, R. W., & Prasetyo, A. P. (2018). Pengaruh Kompetensi Dosen terhadap Prestasi Akademik Mahasiswa Fakultas Ekonomi dan Bisnis Telkom University. *Jurnal Penelitian Pendidikan*, 18(2), 94-102.
- Mustafa, N. M., & Basri, M. (2014). Perbandingan kaedah hafazan al-Quran tradisional dan moden: Satu kajian awal. *Proceedings of the Social Sciences Research*, 827-834.
- Nusinovici, S., Tham, Y. C., Yan, M. Y. C., Ting, D. S. W., Li, J., Sabanayagam, C., Cheng, C.-Y. (2020). Logistic regression was as good as machine learning for predicting major chronic diseases. *Journal of clinical epidemiology*, 122, 56-69.
- Othman, I., & Yaakub, R. (2010). APLIKASI TEORI KECERDASAN PELBAGAI DALAM PELAKSANAAN KURIKULUM. *Journal of Educators & Education/Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 25.
- Othman, M. A. (2007). Keberkesanan Kaedah Pengajaran Berbantuan Komputer Di Kalangan Pelajar Pencapaian Akademik Rendah Bagi Mata Pelajaran Geografi Tingkatan 4 Di Negeri Sembilan. *Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang*.
- Pallant, J. (2013). *SPSS survival manual*: McGraw-Hill Education (UK).
- Qābisī, Abū Ḥasan al. 1955. "Al-risāla al-mufaṣṣila li-aḥwāl al-mutaʿlimīn waahkām al-muʿallimīn." Dedicated essay on the disposition of students and the guidance of teachers and students]. In *Al-tarbiyya fī al-Islām aw al-taʿllum fī raʿī al-Qābisī*:245-348.
- Rahim, M. A. M., Ahmad, T., Awang, S. R., & Safar, A. (2017). *The validation of Huffaz Intelligence Test (HIT)*. Paper presented at the AIP Conference Proceedings.
- Rahim, M. A. M., Ahmad, T., Awang, S. R., & Safar, A. (2017). The validation of Huffaz intelligence test (HIT). Paper presented at the AIP Conference Proceedings.
- Rahim, M. M. A., Yussuf, A., Borham, A. H., & Zaman, M. A. K. (2016). Amalan Pengajaran Pensyarah Tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic Educational Research*, 1, 11-20.
- Rahmad, M., & Mahamod, Z. (2021). Tahap Kecerdasan Pelbagai Dan Motivasi Pelajar Tingkatan Enam Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 319-330.

- Rashid, N. A., Boon, P. Y., & Ahmad, S. F. S. (2012). *Murid dan alam belajar*: Oxford Fajar.
- Razak, M. S. (2013). *Anakku Seorang Hafiz: Step-By-Step Anakku Menghafaz*.
- Razak, Rafidah Abd, Nadiyah Elias. 2015. "Kaedah Hafazan Maahad Tahfiz Di Malaysia." SQ 2015 e-Proceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society. 273-281.
- Subahan, M., & Ismail, M. (2017). *Pedagogi Abad ke-21*. Selangor: Percetakan Jiwabaru Sdn. Bhd.
- T. P. Lee and T. Sander, SmartPLS fo the Human Resources field to Evaluate a Model, New Challenges of Economics and Business Development 2014, Riga, University of Latvia (May 8-10, 2014).
- Towonsing, A. (2013). *Kecerdasan Pelbagai Dan Hubungannya Dengan Tahap Penguasaan Mata Pelajaran Geografi: Kajian Kes Di Salah Sebuah Sekolah Menengah Di Negeri Kedah*. Universiti Sains Malaysia.
- Ucak, E., Bag, H., & Usak, M. (2006). Enhancing Learning Through Multiple Intelligences In Elementary Science Education. *Journal of Baltic Science Education*(10).
- Vaiyadurai, A. & Anandarasu, R. (2015). Creativity Attitude of B. Ed. Student-Teachers. *Journal of Education and Psychological Research*, 5(2), 144-147.
- Wajar, M. S. A. B. M., & Hamzah, R. (2020). Model Kebahagiaaan Hidup Pelajar Universiti Berdasarkan Faktor Kesihatan Mental, Kecerdasan Spiritual dan Demografi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 17-32.
- Yap, W. L. (2016). Transforming conventional teaching classroom to learner-centred teaching classroom using multimedia-mediated learning module. *International journal of information and education technology*, 6(2), 105-112.
- Zainun, A., Che Endut, A., Ainuddin Wahid, A., Rustum Ali Khan, A., & Yazid, A. F. (2019). Correlation study between learning style and multiple intelligence among Muslim gifted and talented. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
- Zakaria, S. K., Azman, N., Amir, R., & Daud, M. N. (2017). Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar Pengajian Islam. *Ulum Islamiyyah*, 19, 89-108.
- Zin, I. M. (2007). *Membina dan mengesahkan instrumen Pentaksiran Kecerdasan Pelbagai*. Tesis Ph. D. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia:

Bangi.